

15 FEB 2001

Chong-Perpaduan

PEMIMPIN BN MAHUKAN KESTABILAN DAN PERPADUAN DIKEKALKAN, KATA CHONG

KOTA KINABALU, 15 Feb (Bernama) -- Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP), Datuk Chong Kah Kiat berkata para pemimpin Barisan Nasional (BN) telah menyuarakan pandangan mereka mengenai perlunya mengekalkan kestabilan dan perpaduan dalam negeri semasa pertemuan mereka dengan Perdana Menteri semalam.

Katanya setiap pemimpin berpendapat ketidakstabilan yang berlaku di negara jiran membuktikan bahawa kedua-dua faktor itu mesti dikekalkan.

Pendapat mereka ini dinyatakan semasa membincangkan isu membabitkan penggiliran ketua menteri dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu pertemuan di Putrajaya.

Chong yang juga Menteri Pembangunan Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi negeri berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Galeri Seni Kinabalu di sini.

Ditanya sama ada beliau merujuk kepada kekerapan perubahan kepimpinan di negara-negara jiran, beliau berkata perlu ada kestabilan dan terpulang kepada individu mentafsirkannya sama ada ini bermakna perlunya kesinambungan dalam kepimpinan.

Mengikut sistem yang diperkenalkan pada 1994, seorang Bumiputera Islam, Bukan Bumiputera Islam dan Cina akan bergilir-gilir dilantik menjadi ketua menteri dengan setiap seorang memegang jawatan itu selama dua tahun.

Penggal jawatan ketua menteri sekarang, Datuk Osu Sukam yang mewakili Bumiputera Islam, akan tamat pada 18 Mac.

Chong berkata para pemimpin BN negeri telah memberi mandat penuh kepada Perdana Menteri untuk memutuskan isu penggiliran itu.

"Apa yang penting ialah kita mesti cuba menyelesaikannya segera supaya kita boleh bergerak ke hadapan," katanya.

Menurut Chong kestabilan boleh dicapai dengan memastikan semua parti komponen mempunyai peranan berkesan untuk dimainkan di negeri ini.

-- BERNAMA

HAK LAT